

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bentuk pemantauan daripada FINAS terhadap penghasilan filem-filem genre *political thriller* yang dihasilkan oleh pengeluar filem tempatan yang boleh mewujudkan persepsi umum yang negatif terhadap penyertaan serta kematangan demokrasi bipartisan yang menjadi amalan kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui FINAS mengeluarkan Lesen Pengeluaran Filem seperti yang diperuntukan dalam seksyen 22 (1), Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Pindaan 2013) [Akta 244]:

“Tiada seseorang boleh mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti mengeluarkan, mengedar dan mempamer filem-filem atau mana-mana gabungan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam seksyen 21 (1) melainkan jika suatu lesen dikeluarkan yang memberikuasa kepadanya untuk berbuat demikian”.

Selain itu, FINAS juga mengeluarkan Surat Perakuan Penggambaran (SPP) seperti yang diperuntukan Syarat-Syarat Tambahan Pada Lesen Pengeluaran, Pengedaran dan Pameran Filem [Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983].

Polisi baharu tahun 2021 bagi permohonan Lesen Pengeluaran Filem, FINAS menetapkan pemohon lesen perlu menyertai sesi temuduga dan seminar khas bagi tujuan menerangkan (*educate*) tentang tanggungjawab bagi seseorang pemegang lesen.